

06 JUN 2003

Chua-SARS

M'SIA BUKAN DALAM SENARAI NEGARA TERJEJAS KERANA SARS, KATA CHUA

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Malaysia tidak perlu mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bahawa ia kini bebas daripada SARS kerana ia tidak pernah disenaraikan sebagai antara negara terjejas kerana wabak itu.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata: "Kita tidak pernah disenaraikan oleh WHO sebagai negara yang terjejas akibat Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), jadi bagaimana hendak dikeluarkan daripada senarai itu".

Banyak pihak yang masih keliru dan beranggapan Malaysia masih tersenarai sedangkan Singapura telah dikeluarkan daripada senarai itu pada tengah malam 23 Mei, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Kesedaran Kesihatan Road Builder di sini, hari ini.

Beliau berkata Malaysia tidak termasuk dalam senarai WHO kerana ia tidak menghadapi masalah jangkitan SARS dari dalam negara, sebaliknya dua kes yang melibatkan kematian rakyat negara ini merupakan jangkitan dari luar negara.

Chua berkata Malaysia tidak disenaraihitamkan sebagai negara terjejas kerana SARS berikutan langkah kawalan dan pencegahan yang berkesan yang diambil oleh pihak berkuasa bagi membendung virus itu daripada merebak.

Malaysia telah terpilih untuk menganjurkan "Persidangan Global WHO Mengenai Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS)" yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 17 hingga 18 Jun ini.

Persidangan anjuran WHO dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia itu akan dihadiri oleh lebih 1,000 peserta dari seluruh dunia.

"Jumlah itu merangkumi 500 peserta saintifik yang terdiri daripada pakar kesihatan awam, pakar epidemiologi, pakar perubatan klinikal, pakar virologi dan pakar penyelidik, 200 hingga 400 wakil media dan 500 peserta yang terdiri daripada orang awam," katanya.

Objektif persidangan itu adalah bagi mengkaji epidemiologi, pengurusan klinikal, kajian dan keputusan makmal yang berkaitan SARS dan strategi pengawalan penyakit SARS di peringkat global.

Beberapa kertas kerja akan dibentangkan meliputi tajuk berkaitan dengan respons serta impak SARS secara global, pembentangan berkaitan dengan pengajaran yang dibawa oleh SARS kepada negara-negara yang tersenarai sebagai negara terjejas kerana SARS seperti China, Vietnam, Hong Kong, Singapura, Kanada serta Amerika Syarikat.

Persidangan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MUN KHY PR